Ketua Setiausaha Perbendaharaan
*(Secretary General of Treasury)*

**Kompleks Kementerian Kewangan**
**No.5, Persiaran Perdana**
**Presint 2**
**62592 PUTRAJAYA**
*Tel. : 03-88823333*
*Telefaks : 03-88824224*
*Telex : FEDTRY MA 30242*
*Laman Web : www.treasury.gov.my*

S/K.KEW/PK/D/1100/000000/10/31J
LD.32 SK.7(2 )

RECEIVED
OCT 2012
Unit ePerolehan,
Perbendaharaan Malaysia

5 Oktober 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN**
**PEROLEHAN BEKALAN SURAT KHABAR DAN MAJALAH TEMPATAN SECARA PEMBELIAN TERUS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan memutuskan supaya perolehan bekalan surat khabar dan majalah tempatan diberi pengecualian daripada menggunakan Sistem ePerolehan dan dilaksanakan secara pembelian terus melalui Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (e-SPKB) tanpa pengeluaran Pesanan Kerajaan tertakluk kepada syarat berikut:

i) Perolehan sehingga RM50 ribu setahun diuruskan dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera; dan

ii) Perolehan melebihi RM50 ribu setahun dilaksanakan dengan pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 010102 (Bahan Bacaan).

3. Agensi hendaklah memastikan pembekal adalah dilantik di kalangan syarikat yang berkeupayaan dan berprestasi baik serta tidak menjurus kepada satu syarikat sahaja. Arahan ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah)**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri
Pengarah Projek, Unit ePerolehan

YBhg. Dato'
Untuk makluman dan perhatian.

KPP(DP)
S/c bincang

KB(DP)
31/10

| TIMBALAN PENGARAH PROJEK, ePEROLEHAN (TPP) | |
|---|---|
| Tarikh : | |
| Masa : | |
| KB (T) 1 | |
| KB (T) 2 | KB (DP) |
| KPP (TB) | KPP (M) |
| KPP (TC) | KPP (DP) |
| KPP (TD) | KPP (PK) |
| KPP (TO) | KPP (PF) |
| PPK (TA) | KPP (PL) |
| PA | PPK (TK) |
| Tindakan | |
| Bincang | |
| Makluman | |
| Fail | |

Semak kesan pelaksanaan dalam sistem eP

NOR'AINI BINTI ABDUL RAZAK
Timbalan Pengarah Projek eP
24/10/12